

Dua lelaki dipenjara 13 tahun, tiga sebatan kerana samun berkumpulan dengan pisau

KUCHING: Dua lelaki masing-masing dijatuhi hukuman penjara 13 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas didapati bersalah melakukan samun berkumpulan bersenjatakan pisau di Saradise, tahun lalu.

Hakim Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman itu selepas memutuskan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara berkuat kuasa bermula dari tarikh kedua-dua tertuduh direman pada, 6 Februari 2025.

Tertuduh, Zuhairi Mohd Zainal, 29, dan Muhd Faizatul Ikmal Hasbi, 31, didapati bersalah mengikut Seksyen 395 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 397 kanun yang sama.

Mengikut pertuduhan pindaan, kedua-dua tertuduh



KE PENJARA: Tertuduh semasa dibawa keluar dari kamar perbicaraan.

secara bersama melakukan samun terhadap seorang lelaki berusia 31 tahun kira-kira jam 3.30 pagi di tepi jalan berhampiran sebuah klinik di Saradise pada 17 Januari 2025.

Dalam kejadian itu, seorang daripada tertuduh bersenjatakan pisau melarikan wang tunai RM1,500 serta beberapa barangan milik mangsa.

Mangsa yang ketika itu berjalan kaki dari sebuah kedai serbaneka 24 jam menuju ke sebuah medan selera didatangi kedua-dua tertuduh yang menaiki sebuah motosikal berwarna hitam.

Seorang daripada mereka kemudian mengacukan pisau dan mengarahkan mangsa menyerahkan beg miliknya sebelum kedua-duanya mela-

rikan diri.

Siasatan polis membawa kepada penahanan kedua-dua tertuduh serta rampasan beberapa barang kes yang dipercayai digunakan dalam kejadian termasuk sebuah motosikal, pakaian, topi keledar, baju hujan dan kunci motosikal.

Hasil siasatan turut mendapati kedua-dua tertuduh mengaku merancang samun berkenaan bagi mendapatkan wang untuk melangsaikan hutang, membeli peralatan motosikal serta menampung perbelanjaan peribadi.

Seorang daripada mereka turut mengaku menggunakan pisau semasa kejadian.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Sepanjang perbicaraan, pihak pendakwaan memanggil tiga saksi, manakala pihak pembelaan turut mengemukakan tiga saksi.